Australian Government

Department of Agriculture, Water and the Environment

Piawaian sebaran kotoran produk: maklumat untuk peruncit

Adakah anda menjual peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan atau enjin marin di Australia?

Jika anda menjualnya, piawaian sebaran kotoran berbisa berkenaan dengan anda. Terdapat beberapa langkah yang harus anda ambil sekarang untuk memastikan anda patuh.

Piawaian sebaran kotoran berbisa untuk peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin bermula pada bulan Januari 2018. Piawaian ini meletakkan Australia sejajar dengan negara-negara lain yang mengawal atur peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan produk enjin marin. Ini bermaksud bahawa mulai:

- **1 Julai 2018**—peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin baharu yang banyak mengeluarkan bahan cemar tidak lagi boleh diimport masuk ke Australia
- **1 Julai 2020**—peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan atau enjin marin baharu yang banyak mengeluarkan bahan cemar tidak lagi boleh dibekalkan ke pasaran Australia. Mulai tarikh ini, produk bukan jalan raya yang diperakui di Eropah dan diimport masuk ke Australia mesti menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat V Euro.

Produk bukan jalan raya yang diperakui menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro masih boleh dibekalkan di Australia sehingga 30 Jun 2021. Selepas itu, hanya produk Peringkat V Euro sahaja yang boleh dibekalkan.

Produk apakah yang dikenakan piawaian ini?

Piawaian ini dikenakan terhadap:

- enjin pencucuhan percikan api berkuasa 19 kilowatt ke bawah yang digunakan di rumah dan dalam operasi komersial, termasuk: mesin pemotong rumput jenis tolak, mesin pemotong rumput jenis tunggang, penyungkup, pemotong semak samun atau pemangkas jenis tali, penjana, pam, gergaji rantai dan enjin bantu pada bot, misalnya penjana dan pam.
- enjin pencucuhan percikan api yang digunakan pada kapal laut, termasuk: enjin motor sangkut, enjin pesawat air peribadi dan enjin pacuan buritan atau enjin di dalam kapal.

Untuk mendapatkan senarai produk yang diliputi oleh piawaian ini, lihat di www.environment.gov.au/protection/air-quality/emissions-standards

Apakah yang perlu anda lakukan?

- pastikan semua produk yang diliputi oleh piawaian sebaran kotoran ini yang diimport dan yang hendak dijual mematuhi dan membawa sama ada perakuan Australia atau perakuan yang diiktiraf pada peringat antarabangsa daripada Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat *(United States Environmental Protection Agency)*, Lembaga Sumber Udara California *(California Air Resources Board)*, Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada *(Environment and Climate Change Canada)* atau mana-mana negara anggota Kesatuan Eropah.
- pastikan semua stok yang ada, yang tidak mematuhi piawaian sebaran kotoran ini telah dijual atau dihentikan penjualannya sebelum 1 Julai 2020.

Mulai 1 Julai 2020:

- pastikan anda menjual hanya peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan atau enjin marin yang patuh di Australia.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang piawaian sebaran kotoran berbisa, lihat di www.environment.gov.au/protection/emissions-standards atau hantarkan e-mel kepada kami melalui alamat productemissions@awe.gov.au

ENV308.0420